

PNB berjaya gembleng pelaburan Bumiputera

Oleh Mutazar Abd Ghani
dan Saufi Hamzah

KEPALABATAS: Permodalan Nasional Berhad (PNB) kini menguruskan kira-kira 44 bilion unit saham amanah dengan lebih lapan juta pelabur, kata Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Beliau berkata, PNB juga sudah membayar lebih RM39 bilion dividen kepada pelaburnya sejak ditubuhkan pada 1982.

"Perangkaan itu menunjukkan PNB sudah mencapai kejayaan dalam usahanya menggembeng pelaburan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya Bumiputera," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2004 bertema Saham Amanah - Pilihan Pelabur Bijak di Dewan Milenium, di sini semalam.

Ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kira-kira 7,000 orang hadir pada majlis itu.

Ahmad Sarji berkata, walaupun setakat ini PNB berjaya menguasai sebahagian besar pasaran industri saham amanah, mereka percaya cara yang berkesan dan terbaik untuk menerangkan mengenai amana saham adalah dengan mengan-

jur MSAM.


Shubungan itu, beliau meminta rakyat Pulau Pinang mengambil peluang untuk mengunjungi Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2004 anjuran PNB yang berlangsung selama seminggu bermula semalam sehingga Isnin depan di Dewan Milenium, Kepala Batas.

Beliau berkata, pengunjung boleh mengemukakan pelbagai soalan secara berkumpulan atau melalui persatuan dalam sesi yang diadakan agar mereka yang tidak berpeluang bertanya mendapat manfaat daripada jawapan yang diberi berbanding soalan secara persendirian.

Ahmad Sarji berkata, MSAM 2004 itu agak istimewa kerana penganjurannya untuk tahun kelima dibuat di Pulau Pinang.

Katanya, sebagai wadah untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai pelaburan dan saham amanah, MSAM juga diadakan di beberapa bandar utama di seluruh negara seperti Kuala Lumpur, Kuantan, Johor Bahru, Kuantan, Kota Kinabalu dan Kuching.

Sementara itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon, berkata masyarakat bukan Bumiputera di Pulau Pinang juga patut menyertai unit saham amanah yang dikendalikan PNB.



ABDULLAH melancarkan MSAM 2004 sambil disaksikan dari kiri Ketua Eksekutif PNB, Datuk Hamad Kama Piah, Koh dan Ahmad Sarji di Dewan Milenium, Kepala Batas, semalam. - Cambar oleh Asman Ibrahim



ABDULLAH cuba memandu simulator F1 selepas merasmikan MSAM 2004 di Kepala Batas, semalam.

Katanya, di Pulau Pinang kira-kira 2.3 bilion unit pelbagai saham amanah yang dipegang oleh rakyat negeri ini.

Beliau berkata, daripada jumlah itu 2 bilion milik Bumiputera dan 300 juta lagi adalah bukan Bumiputera.

"Saya ingin menggalakkan rakyat Pulau Pinang untuk menyertai unit saham amanah di bawah PNB. Bu-

kan Bumiputera turut akan menyahut saranan PNB itu untuk menyertainya," katanya.

Penganjuran MSAM 2004 adalah berteraskan matlamat untuk mendidik masyarakat supaya lebih memahami mengenai pelaburan dan hubungan kait di antara risiko dan pulangan daripada pelaburan.

PNB kini mengurus 10 dana unit amanah iaitu skirn Amanah Saham

Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Harta Tanah PNB (AHP), Amanah Saham Nasional 12 (ASN 12), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3), Amanah Harta Tanah PNB 2 (AHP 2) dan terbaru ialah Amanah Saham Gemilang (ASG).